


PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan **bahawa keberhasilan utama** pendidikan Malaysia dilihat daripada dua perspektif penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu **kualiti sekolah** dan **kemenjadian murid**. Kemenjadian murid **dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan** dan **bukan lagi difokuskan kepada Gred Purata** yang **dijana daripada keputusan UPSR**. Kualiti murid dilihat dari segi pencapaian akademik dengan **tahap penguasaan minimum dalam UPSR**. Aspek kejayaan murid ini diperlihatkan melalui laporan yang lebih menyeluruh dinamakan **Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR)**.

KOMPONEN PELAPORAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH



PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dan membantu guru membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan pembelajaran murid dari semasa ke semasa. Melalui PBD guru dapat:-

- Menggalakkan pemikiran ingin tahu (inquisitive), kritis dan kreatif.
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran.
- Menerapkan nilai ketuhanan, nilai murni, estetika dan patriotisme.
- Mengesan perkembangan murid secara menyeluruh.
- Mengetahui keberkesanan pengajarannya.
- Merancang dan mengubah suai kaedah pengajarannya.
- Mengambil tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta.

PBD juga akan dijadikan bentuk pentaksiran yang akan menggantikan peperiksaan formal bagi murid Tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3).

PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) merupakan pentaksiran aktiviti kecergasan dan kegiatan kokurikulum sekolah. Kegiatan kokurikulum ini merangkumi tiga aktiviti utama iaitu Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/Permainan. PAJSK bertujuan untuk menyediakan satu kaedah pentaksiran aktiviti kokurikulum dan kecergasan murid yang standard dan boleh diterima pakai oleh semua sekolah. PAJSK dilaksanakan sepanjang tempoh persekolahan setiap tahun.

PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Pentaksiran Psikometrik (PPsi) merupakan satu kaedah sistematik yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang dapat menggambarkan ciri, atribut atau tret psikologi seseorang, sama ada dalam domain kognitif atau afektif. PPsi diperkenalkan untuk mengukur kebolehan semula jadi (innate ability) dan kebolehan yang diperolehi (acquired ability) seperti personaliti, minat kerjaya, aptitud atau kebolehan, kemahiran menyelesaikan masalah, dan kemahiran berfikir. Pelaksanaan PPsi di sekolah rendah bagi Tahun 6 berfokus kepada Ujian Aptitud Khusus. Ujian Aptitud Khusus mengukur ciri yang menggambarkan potensi seseorang murid untuk menceburi bidang pembelajaran, aliran persekolahan atau bidang pekerjaan pada masa akan datang. Ujian Aptitud Khusus direka bentuk untuk mengenal pasti sama ada murid memiliki kecerdasan seperti Verbal Linguistik, Visual Ruang, Logik Matematik, Muzik, Naturalis, Kinestatik, Interpersonal, Intrapersonal dan Eksistensial.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH RENDAH

Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) dilaksanakan kepada murid berkeperluan khas masalah pembelajaran pada tahun terakhir di sekolah rendah.

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH (UPSR)

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia


Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menilai pencapaian murid dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains** dan **Matematik**. UPSR berperanan sebagai **check point** untuk mengukur kemahiran **membaca, menulis, mengira** dan **menaakul** selama enam tahun di sekolah rendah. Pada tahun 2018, seramai 10,676 orang calon telah mendaftar untuk menduduki UPSR. UPSR telah dijalankan pada 20 dan 24 hingga 27 September 2018.

Tafsiran Gred

GRED	TAFSIRAN GRED
A	CEMERLANG
B	BAIK
C	MEMUASKAN
D	MENCAPAI TAHAP MINIMUM
E	BELUM MENCAPAI TAHAP MINIMUM

PENCAPAIAN CALON FELDA UPSR 2018

Tahap Pencapaian	2018		2017		Pencapaian
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%	
Mencapai Tahap Minimum	7,190	67.3%	7,202	67.2%	0.1% (Meningkat)
Belum Mencapai Tahap Minimum Sekurang-kurangnya Satu MP	3,400	31.8%	3,394	31.7%	0.1% (Menurun)
Belum Mencapai Tahap Minimum Semua MP	86	0.8%	121	1.1%	0.3% (Meningkat)
Jumlah	10,676	100.00%	10,717	100.00%	



Rajah 1 Perbandingan Tahap Penguasaan Minimum Tahun 2018 dengan 2017

PERBANDINGAN MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM FELDA, NASIONAL DAN LUAR BANDAR

Objektif utama Nasional adalah melihat kepada peningkatan calon yang menguasai tahap penguasaan minimum. Di FELDA Peratusan calon tahun 2018 yang mencapai tahap penguasaan minimum **meningkat 0.1%** dengan bilangan calon 7,190 (67.3%) berbanding calon tahun 2017 seramai 7,202 (67.2%). Manakala bagi calon UPSR 2018 Nasional dan calon luar bandar **menunjukkan penurunan** tahap penguasaan minimum sebanyak **0.73% calon Nasional** dan **0.81% bagi calon luar bandar**.

FELDA					
Tahap Pencapaian	2018		2017		PERBEZAAN
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%	%
Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	7,190	67.3%	7,202	67.2%	0.1% (Meningkat)


NASIONAL					
Tahap Pencapaian	2018		2017		PERBEZAAN
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%	%
Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	288,022	67.4%	293,514	68.13%	0.73% (Menurun)

LUAR BANDAR					
Tahap Pencapaian	2018		2017		PERBEZAAN
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%	%
Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	139,162	63.24%	142,680	64.05%	0.81% (Menurun)

TAHAP PENCAPAIAN CALON DALAM SEMUA MATA PELAJARAN

Analisis tahap tahap pencapaian terperinci ditunjukkan seperti Jadual dibawah. Peratusan calon yang mendapat semua A pada tahun ini telah menurun seramai 13 (0.1%) calon iaitu 137 (1.3%) calon pada tahun 2018 berbanding 150 (1.4%) calon pada tahun 2017. Manakala peratusan calon yang semua gred E dalam semua mata pelajaran menurun sebanyak 35 orang (0.3%) iaitu 86 orang 0.8% pada tahun 2018 berbanding 121 orang (1.1%) pada tahun 2017.


Tahap Pencapaian	2018		2017		PENCAPAIAN
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%	%
Semua A	137	1.3%	150	1.4%	0.1%
Maksimum 1B	196	1.8%	211	2.0%	0.2%
Minimum 2B	536	5.0%	600	5.6%	0.6%
Minimum C	1,861	17.4%	1,920	17.9%	0.5%
Minimum D	4,460	41.8%	4,321	40.3%	1.5%
Minimum E	3,382	31.7%	3,368	31.4%	0.3%
Semua E	86	0.8%	121	1.1%	0.3%
Lain-lain Kombinasi	18	0.2%	26	0.2%	0.0%
Jumlah	10,676	100.0%	10,717	100.0%	



Rajah 2 Perbandingan Pencapaian Calon FELDA Peperiksaan UPSR Tahun 2018 dengan 2017

KEDUDUKAN WILAYAH KESELURUHAN

BIL	WILAYAH	PERATUS MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM 2018 %	PERATUS MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM 2017 %	PERBEZAAN PERATUS MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM %	PENCAPAIAN
1	SEGAMAT	75.74	71.16	4.58	MENINGKAT
2	JOHOR BAHRU	72.67	71.47	1.2	MENINGKAT
3	MEMPAGA	68.82	69.6	-0.78	MENURUN
4	RAJA ALIAS	68.74	69.33	-0.59	MENURUN
5	JENKA	67.18	69.6	-2.42	MENURUN
6	TROLAK	64.61	67.64	-3.03	MENURUN
7	KUANTAN	64.11	67.65	-3.54	MENURUN
8	ALOR SETAR	63.98	59.52	4.46	MENINGKAT
9	TERENGGANU	63.4	64.11	0.71	MENURUN
10	GUA MUSANG	59.49	57.92	1.57	MENINGKAT
11	SAHABAT	47.48	38.55	8.93	MENINGKAT
KESELURUHAN		67.30	67.20	0.1	MENINGKAT



Rajah 3 kedudukan wilayah keseluruhan peratus mencapai tahap minimum 2018 dan 2017

KEDUDUKAN 10 BUAH SEKOLAH TERBAIK KESELURUHAN 2018

BIL	WILAYAH	KOD SEK	SEKOLAH	MENCAPAI TAHAP MINIMUM SEMUA MP
1	SEGAMAT	JBA7039	SK LKTP PALONG TIMUR	100.0%
2	TERENGGANU	TEA6083	SK CHALOK MODEL KHAS	100.0%
3	MEMPAGA	CBA6023	SK (FELDA) KRAU 1	100.0%
4	TERENGGANU	TBA6066	SK (FELDA) CHALOK BARAT	95.7%
5	SEGAMAT	JBA7005	SK LKTP MEDOI	95.2%
6	RAJA ALIAS	NBA6027	SK PALONG 14 (F) GEMAS N SEMBILAN	95.0%
7	RAJA ALIAS	NBA6024	SK FELDA LUI MUDA BDR SERI JEMPOL N SEMBILAN	92.9%
8	SEGAMAT	JBA2039	SK (FELDA) KAHANG BARAT	92.3%
9	JOHOR BAHRU	JBA8020	SK FELDA INAS	92.3%
10	MEMPAGA	CBA151	SK MENGGUANG	91.7%

KEDUDUKAN 10 BUAH SEKOLAH TERENDAH KESELURUHAN 2018

BIL	WILAYAH	KOD SEK	SEKOLAH	MENCAPAI TAHAP MINIMUM SEMUA MP
1	TROLAK	ABA7035	SK FELDA LEPANG NENERING	20.0%
2	TERENGGANU	TBA0067	SK FELDA SELASIH	25.0%
3	JOHOR BAHRU	JBA4028	SK (FELDA) TENGGAROH 7	25.0%
4	TROLAK	ABA7032	SK (FELDA) LAWIN UTARA	33.3%
5	GUA MUSANG	DBA8018	SK ARING	34.6%
6	SAHABAT	XBA3145	SK SAHABAT II	39.1%
7	TROLAK	ABA0035	SK BESOUT 3	39.5%
8	RAJA ALIAS	NBA6007	SK SUNGAI LUI	41.2%
9	TROLAK	ABA0031	SK FELDA SUNGAI KELAH	41.7%
10	JOHOR BAHRU	JBA3048	SK (FELDA) LINGGIU	41.7%


KEDUDUKAN 10 BUAH SEKOLAH TERENDAH KESELURUHAN 2017

BIL	WILAYAH	KOD SEK	SEKOLAH	MENCAPAI TAHAP MINIMUM SEMUA MP
1	SAHABAT	XBA3145	SK SAHABAT II	30.3%
2	RAJA ALIAS	NBA6007	SK SUNGAI LUI	33.3%
3	ALOR SETAR	RBA0078	SK (FELDA) MATA AIR	36.0%
4	GUA MUSANG	DBA8020	SK CHIKU 7	39.1%
5	GUA MUSANG	DBA8018	SK ARING	39.2%
6	SAHABAT	XBA3009	SK UMAS-UMAS TAWAU	39.3%
7	SAHABAT	XBA3105	SK SAHABAT 4	40.0%
8	SAHABAT	XBA3141	SK SAHABAT 16	43.2%
9	SETAR	KBA7015	SK LUBUK MERBAU	45.5%
10	KUANTAN	CBA5017	SK (FELDA) CHINI TIMUR 1	45.7%

** Senarai sekolah diatas yang berwarna tidak lagi berada dalam kedudukan terendah bagi tahun 2018

PERBANDINGAN PRESTASI MATA PELAJARAN


KOD-MATA PELAJARAN	TAHUN	A	B	C	D	A-D	E
		%	%	%	%	%	%
011 - Bahasa Melayu Pemahaman	2018	27.0%	31.9%	26.6%	11.8%	97.2%	2.8%
011 - Bahasa Melayu Pemahaman	2017	29.4%	31.6%	25.6%	10.8%	97.4%	2.6%
012 - Bahasa Melayu Penulisan	2018	29.0%	32.2%	23.0%	12.3%	96.4%	3.7%
012 - Bahasa Melayu Penulisan	2017	32.1%	28.8%	23.7%	11.9%	96.6%	3.4%
013 - Bahasa Inggeris Pemahaman	2018	7.1%	16.0%	24.7%	35.0%	82.7%	17.3%
013 - Bahasa Inggeris Pemahaman	2017	7.9%	16.6%	25.6%	34.9%	85.0%	15.0%
014 - Bahasa Inggeris Penulisan	2018	7.0%	5.8%	21.1%	41.1%	75.0%	25.0%
014 - Bahasa Inggeris Penulisan	2017	8.1%	6.6%	20.0%	37.5%	72.2%	27.8%
015 - Matematik	2018	9.7%	15.6%	19.0%	36.2%	80.5%	19.5%
015 - Matematik	2017	8.2%	15.7%	20.0%	37.0%	80.9%	19.1%
018 - Sains	2018	6.8%	29.0%	39.8%	21.9%	97.5%	2.5%
018 - Sains	2017	6.5%	27.0%	43.6%	19.2%	96.3%	3.7%



Rajah 4 Perbandingan Prestasi Mata Pelajaran Peperiksaan UPSR Tahun 2018 dengan 2017

PENCAPAIAN CALON CEMERLANG SEMUA A MENGIKUT WILAYAH

BIL	WILAYAH	BILANGAN SEMUA A 2018	BILANGAN SEMUA A 2017	PENCAPAIAN PERBEZAAN BILANGAN SEMUA A
1	RAJA ALIAS	32	24	8
2	JOHOR BAHRU	26	26	0
3	KUANTAN	18	26	-8
4	TERENGGANU	16	21	-5
5	JENGA	15	19	-4
6	MEMPAGA	10	5	5
7	SEGAMAT	9	10	-1
8	TROLAK	3	7	-4
9	ALOR SETAR	3	8	-5
10	GUA MUSANG	3	3	0
11	SAHABAT	2	1	1
KESELURUHAN		137	150	



Rajah 5 Pencapaian calon cemerlang semua A mengikut Wilayah Peperiksaan UPSR Tahun 2018 dengan 2017

PENUTUP

FELDA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjalankan tugas dan tanggungjawab khasnya di peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan FELDA, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Sekolah, wilayah dan rancangan FELDA, persatuan ibu bapa dan guru, serta badan-badan sukarela dalam memastikan kejayaan generasi baru FELDA dalam bidang pelajaran. Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha dan perancangan yang rapi semua pihak yang terlibat. Semoga hasrat memperkembangkan kemenjadian murid dapat dilaksanakan dengan sistematik dan baik.

Sekian, terima kasih.

NURZILA BINTI ABD GHANI

Pengarah
Jabatan Pendidikan
FELDA

PROGRAM SOKONGAN PENDIDIKAN 2018

Jabatan Pendidikan FELDA telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi luar yang berkepentingan dalam mengadakan program-program strategik bagi melonjakkan kecemerlangan pendidikan warga FELDA. Pada tahun 2018, Jabatan telah melaksanakan program sokongan bagi membantu meningkatkan kecemerlangan akademik di kalangan generasi baharu FELDA. Antara program yang dilaksanakan adalah:-

1. SKIM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN FELDA (SKPF)

Kecemerlangan Pendidikan FELDA (SKPF) ini diperkenalkan sebagai satu inovasi Pendidikan dalam usaha meningkatkan mutu serta kualiti pendidikan di seluruh sekolah di rancangan FELDA. Pelaksanaan Skim ini salah satu inisiatif untuk menggalakkan lonjakan kecemerlangan akademik di samping menggalakkan percambahan kreativiti dalam melaksanakan aktiviti pendidikan kepada murid-murid FELDA. Pelaksanaan SKPF adalah berorientasikan pemberian ganjaran berdasarkan pencapaian murid dan sekolah di rancangan FELDA dalam peperiksaan. SKPF telah dilaksanakan melibatkan murid tahun 6 (UPSR) dan Tingkatan 5 (SPM) di 371 buah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di rancangan FELDA. Penetapan sasaran akan dibuat kepada setiap sekolah sebagai penanda aras pencapaian bagi peperiksaan pertengahan tahun *Operational Targeted Increment* (OTI2), peperiksaan percubaan *Operational Targeted Increment* (OTI3) dan peperiksaan awam *Expected Target Result* (UPSR dan SPM).

2. PROGRAM ANDA BERHAK HEBAT: SEMINAR PELAJAR GEMPAK”

Program Anda Berhak Hebat “Seminar Pelajar Gempak” anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling dengan kerjasama Jabatan Pendidikan FELDA telah dilaksanakan dengan jayanya. Pendekatan Program Anda Berhak Hebat ini telah menekankan

teknik menjawab soalan peperiksaan sebenar serta menitikberatkan Pengajaran & Pembelajaran (PDP) dua hala. Pelajar-pelajar didedahkan dengan topik-topik yang dijangka akan keluar sewaktu peperiksaan sebenar oleh guru-guru penggubal soalan di samping mengetahui kaedah menjawab soalan dengan betul dan tepat. Selain itu, pelajar-pelajar turut diberi motivasi oleh penceramah motivasi daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling. Senarai sekolah telah dilaksanakan program anda berhak hebat adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH	WILAYAH
1	SK FELDA UMAS-UMAS	SAHABAT
2	SK FELDA TENGGAROH 1,2,3,4,5,6 & 7	JOHOR BAHRU
3	SMK FELDA DESA KENCANA LAHAD DATU	SAHABAT
4	SMK TUNGKU LAHAD DATU	SAHABAT

3. PROGRAM SARANA IBU BAPA & KOMUNITI (JOM KE SEKOLAH)

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan pengurusan sekolah dengan ibu bapa dengan menggalakkan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti sekolah. Program ini telah dilaksanakan bermula tahun 2016 dengan diadakan projek rintis di 2 buah sekolah rendah dan menengah dalam rancangan FELDA. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan dikembangkan ke 5 buah sekolah pada tahun 2017 dan 4 buah sekolah lagi pada tahun 2018. Program ini memberi kesan yang positif melalui peratus kehadiran pelajar ke sekolah meningkat kepada 85%. Senarai sekolah Program Jom Ke Sekolah 2018 seperti berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH	WILAYAH
1	SMK NITAR	SEGAMAT
2	SMK BUKIT GOH	KUANTAN
3	SMK PASIR BESAR	RAJA ALIAS
4	SK SUNGAI BEHRANG	TROLAK

4. PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM-FELDA

Pelaksanaan program ini melibatkan murid-murid yang tinggal di asrama harian kawasan FELDA menumpukan kepada penguasaan membaca dan menghafaz al-quran serta perkara-perkara asas seperti wirid harian selepas solat, doa-doa yang ma'thur dan surah-surah pilihan sepanjang tahun. Program ini menggunakan khidmat ustaz/ ustazah & Guru-guru Agama yang tinggal di kawasan rancangan FELDA yang berperanan sebagai tenaga pengajar dalam membantu menjayakan pelaksanaan program tersebut. Program ini mendapat kesan dan maklumbalas yang positif daripada pihak sekolah dengan jumlah peningkatan murid yang menguasai dan boleh membaca al-quran meningkat setiap bulan. Program ini dilaksanakan bermula tahun 2017 dengan melibatkan 10 buah sekolah dan dikembangkan lagi ke 26 buah sekolah dalam rancangan FELDA bagi tahun 2018.

5. PROGRAM INTERVENSI PENCEGAHAN DADAH (SYUKURI NIKMAT)

Pelaksanaan program bertujuan untuk meningkatkan kesedaran murid FELDA ke arah menangani gejala sosial terutamanya masalah penyalahgunaan dadah. Pada tahun 2017, SMK Bukit Goh telah dipilih sebagai lokasi projek rintis Syukuri Nikmat berdasarkan kepada rekod pelajar terlibat dengan dadah yang tinggi. Kesan daripada program ini pada tahun 2018, SMK Bukit Goh tidak lagi tersenarai sebagai sekolah yang tertinggi terlibat dengan kes disiplin terutama penyalahgunaan dadah.

6. PROGRAM SOKONGAN AKADEMIK PERINGKAT WILAYAH DAN RANCANGAN

Program ini merupakan inisiatif yang digerakan oleh pihak wilayah, rancangan, sekolah dan komuniti setempat dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan yang lebih cemerlang. Pelaksanaan program ini memberi penekanan dalam teknik menjawab soalan peperiksaan sebenar serta menitikberatkan Pengajaran & Pembelajaran (PDP) dua hala. Pelajar-pelajar didedahkan dengan topik-topik yang

dijangka akan keluar sewaktu peperiksaan sebenar oleh guru-guru pakar dan penggubal soalan di samping mengetahui kaedah menjawab soalan dengan betul dan tepat. Selain itu, pelajar-pelajar turut diberi pendedah motivasi.